

# **GERAKAN REFORMASI GEREJA DI EROPAH DAN KESANNYA TERHADAP PEGANGAN SEKSUALITI MASYARAKAT BARAT**

Oleh:  
Mohd Zariat Abdul Rani

## **Abstract**

*Before the 15th century, most of the European community lifestyles were controlled and determined by the doctrines established by the Roman Catholic Church. However, the reformation movements in most of those challenged the doctrines and introduced their own interpretations and views. One of those affected aspects was regarding sexuality. The main arguments of the reformists included the concept of continence, vow of chastity and celibacy practice of the priests of Roman Catholic Churches. Marriage institution which was more inferior compared to the celibacy practice and the ban of divorce practice among the Christians were also being criticized. This article explores this reformation process and study changes that occurred in westerners understanding and belief towards sexuality.*

Sebelum abad ke-15 Masihi, rata-rata kehidupan masyarakat Eropah berada dalam lingkungan sistem pemerintahan bercorak feudal, yang antara lain banyak memberikan autoriti Institusi Kegerejaan. Sesungguhnya, bidang kuasa yang diberikan terhadap Institusi Kegerejaan ini agak besar sehingga tidak keterlaluan dikatakan bahawa banyak aspek kehidupan masyarakat Eropah pada ketika itu yang dikawal dan ditentukan oleh “fatwa” dan pengawasan pihak gereja. Lantaran itu, apabila wujud gerakan pembaharuan terhadap autoriti Institusi Kegerejaan ini, maka beberapa aspek dan pegangan hidup masyarakat Barat juga mulai berubah. Seterusnya, gerakan pembaharuan agama yang lebih dikenali sebagai Reformasi Gereja ini telah mempersoalkan dan mencabar beberapa hal terutamanya tentang autoriti dan kemulukan Institusi Kegerejaan dalam menentukan hal ehwal kehidupan masyarakat. Tidak keterlaluan jika dianggap bahawa gerakan Reformasi Gereja ini telah banyak

memberikan kesan terhadap beberapa aspek kehidupan masyarakat Eropah dan satu daripadanya ialah fahaman dan pegangan masyarakat terhadap seksualiti.

Bertolak daripada kesedaran di atas, makalah ini akan menyelusuri beberapa perubahan yang berlaku terhadap fahaman dan pegangan seksualiti masyarakat Barat rata-rata akibat daripada gerakan Reformasi Gereja. Harus dinyatakan bahawa tidak dapat dinafikan bahawa kemungkinan terdapat faktor-faktor lain juga turut menyumbang terhadap perubahan fahaman dan pegangan seksualiti di kalangan masyarakat Barat. Akan tetapi makalah ini hanya akan memberikan tumpuan terhadap peranan yang dimainkan oleh gerakan Reformasi Gereja dan pandangan-pandangan yang diutarakan oleh para reformis terhadap pegangan dan amalan seksualiti. Selain itu, bagi memudahkan pemahaman makalah ini juga akan membincangkan secara terperinci tentang gerakan Reformasi Gereja di Eropah serta faktor-faktor yang mendorong kepada berlakunya gerakan reformasi tersebut. Seterusnya, bagi memudahkan pemahaman terhadap gerakan Reformasi Gereja di Eropah, ada baiknya perbincangan ini dimulai dengan menjelaskan tentang situasi dan keadaan di Eropah khususnya tentang peranan dan kedudukan Gereja Roman Katholik dalam masyarakatnya.

Sebagaimana yang termaktub dalam lipatan sejarah, sebelum berlakunya Reformasi Gereja pada kurun ke-15, rata-rata para pengikut agama Kristian di Eropah tertakluk di bawah kuasa Gereja Roman Katholik terutamanya urusan yang berkaitan dengan hal ehwal kerohanian. Apatah lagi sebelum kurun ke-15, kemunduran yang melanda benua Eropah dalam segala aspek, termasuk pemikiran akibat Sistem Feudal yang diamalkan, tidak memungkinkan mereka untuk melepaskan diri daripada dibelenggu kuasa Gereja Roman Katholik yang bersifat otokratik. Harus dinyatakan juga bahawa dalam sistem hierarki Gereja Roman Katholik, peruntukan yang besar telah diberikan terhadap jawatan Pope yang bukan sahaja bertanggungjawab terhadap Gereja Roman Katholik di Itali bahkan di seluruh dunia. Perluasan bidang kuasa Pope dalam hal ehwal keagamaan dan kerohanian Kristian Katholik ini bermula apabila Majlis Kesatuan Gereja yang merupakan satu-satunya badan yang berkuasa ke atas hal ehwal gereja semenjak abad pertama, telah memberikan kuasa dan menekankan terhadap betapa perlunya seseorang penjawat jawatan Pope untuk mengawasi dan menguasai hal ehwal agama Kristian di seluruh dunia.

Rentetan daripada sokongan pihak Majlis Kesatuan Gereja ini, Pope telah memiliki kuasa yang mutlak dan kedudukan tertinggi dalam hierarki gereja Roman Katholik sehingga bukan sahaja berupaya menentukan agenda yang akan dibincangkan dalam mesyuarat gereja, bahkan berkuasa pula dalam menentukan keputusan mesyuarat tersebut serta meluluskan pengkanunan peraturan yang telah

## Gerakan Reformasi Gereja di Eropah dan Kesannya Terhadap Pegangan Seksualiti Barat

dipersetujui anggota mesyuarat.<sup>1</sup> Sememangnya pada peringkat awal ini, kedudukan dan kuasa yang diberikan kepada penjawat jawatan Pope ini telah memberikan kelebihan kepada bangsa Itali kerana Pope berupaya menggunakan pengaruh dan kedudukannya untuk menghidupkan semula undang-undang Rom Purba, seiring dengan bercita-cita mereka untuk mengulangi zaman kegemilangan Empayar Rom di Eropah.

Selaras dengan cita-cita dan matlamat tersebut, Pope telah berusaha agar pengaruh dan peranan Gereja Roman Katholik yang dipimpinnya menjadi semakin luas dan penting dalam kehidupan penganut agama Kristian bukan sahaja di Itali bahkan di seluruh Eropah. Bersesuaian dengan matlamat tersebut, Pope telah mengkanunkan undang-undang gereja yang berasaskan kepada Kitab Bible dan persepakatan ahli Majlis Gereja. Pengkanunan undang-undang gereja yang dikenali sebagai *corpus juris canonici* ini bukan sahaja terbatas terhadap hal ehwal yang berkaitan dengan disiplin kerohanian tetapi juga turut melampaui peraturan-peraturan duniawi yang lain seperti upacara pernikahan, perjanjian sumpah dan surat wasiat.<sup>2</sup> Perkembangan ini memperlihatkan bagaimana kuasa Pope dan Gereja Roman Katholik menjadi semakin luas dan global, bukan sahaja dalam hal ehwal kerohanian bahkan turut mencakupi beberapa hal keduniaan.

Di sebalik perkembangan tersebut, Pope menyedari bahawa cita-cita untuk mengembalikan kegemilangan tamadun Rom Purba agak sulit untuk direalisasikan kerana kuasa dan pengaruh Pope masih terbatas kepada hal ehwal gereja dan agama Kristian sahaja sedangkan masih banyak lagi urusan kehidupan seharian yang berada di luar daripada bidang kuasanya. Namun begitu, kekangan ini tidak pula melemahkan cita-cita Pope dan Gereja Roman Katholik yang dipimpinnya, malahan dengan kuasa dan pengaruh sedia ada, Pope telah melaksanakan beberapa langkah dan peraturan baru. Meskipun Pope tidak mempunyai kuasa untuk mengheret orang awam (*laity*) yang engkar terhadap undang-undang gereja ke mahkamah gereja, namun dengan pengaruh dan kuasa sedia ada Pope di gereja, telah membolehkan beliau untuk menangguh atau melengah-lengahkan upacara-upacara kerohanian yang akan melibatkan pesalah-pesalah berkenaan. Malahan dalam keadaan tertentu, Pope telah menggunakan kuasa yang dimilikinya melalui mahkamah gereja untuk menyingkirkan mereka yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang gereja daripada menyertai kelompok "jemaah" Gereja Roman Katholik. Tindakan Pope ini telah menimbulkan kebimbangan dan memberikan tekanan terhadap orang awam yang tidak mahu

---

<sup>1</sup> Sila rujuk Harold J. Grimm, *The Reformation Era 1500-1650*, Second Edition, Macmillan, New York, 1973, hlm. 32.

<sup>2</sup> *Ibid.* hlm. 33

dianggap berdosa atau dipulaukan daripada jemaah Gereja Roman Katholik yang lain.<sup>3</sup> Tindakan ini telah menyebabkan Gereja Roman Katholik yang dipimpin oleh Pope semakin berpengaruh dan kuasanya semakin melepas had dan batasan sebelumnya.

Perkembangan ini memberikan kesan terhadap hal ehwal dalaman Gereja Roman Katholik itu sendiri. Ini kerana kedudukan dan pengaruh Pope yang semakin besar di kalangan masyarakat Eropah telah menyebabkan beban tugas Pope semakin bertambah. Keadaan ini memaksa Pope membahagi-bahagikan tugasnya dengan mengujudkan jawatan-jawatan lain sehingga membentuk Institusi Kegerejaan yang sangat kompleks. Berbekalkan pengaruh dan sistem pentadbiran yang kian canggih, Institusi Kegerejaan yang ditadbir oleh Pope semakin memiliki kuasa yang dominan dan berpengaruh di kalangan penganut agama Kristian di Eropah. Hal ini diakui oleh Harold J. Grim sebagai:

“The pope, as the absolute ruler over the clergy and all the Church lands, ranked among the highest monarchs of Christendom and his magnificent court in Rome became the envy of most powerful kings.”<sup>4</sup>

Bersesuaian dengan kapasitinya yang sangat berkuasa dalam pentadbiran Institusi Kegerejaan Roman Katholik, Pope telah mengumumkan beberapa doktrin yang bertujuan untuk menyuburkan lagi perasaan hormat dan kagum masyarakat awam terhadap golongan paderi yang menggerakkan Institusi Kegerejaan. Melalui doktrindoktrin yang diumumkannya, Pope telah mengangkat kedudukan dan taraf golongan paderi sebagai manusia “suci” dan “mulia” berbanding dengan orang awam, dan keistimewaan ini memungkinkan golongan paderi untuk dilantik menjadi orang perantaraan dalam upacara-upacara peribadatan terhadap Tuhan. Selain itu, golongan paderi ini pula diwajibkan untuk melalui ujian-ujian tertentu sebelum ditahbiskan sebagai paderi (*ordination*) dan mengamalkan pembujangan (*celibacy*) dalam kehidupan sehari-hari mereka dan ritual ini dianggap sebagai syarat penting sebelum mencapai darjah sebagai “manusia suci”. Ketinggian darjah dan kedudukan istimewa golongan paderi dalam Institusi Kegerejaan kemudiannya dianggap sebagai sesuatu yang mutlak dan ini digambarkan oleh Harbison sebagai:

“...The priest was a man, but as priest he was more than man in that his human nature did not affect the validity of the sacraments he performed. The

<sup>3</sup> Ketika Gregory VII, Innocent III dan Boniface VIII memegang jawatan Pope, mereka telah mengajukan *doctrin of plenitudo potestatis* yang bermaksud “kuasa yang menyeluruh”. Melalui doktrin ini, mereka mengajukan pandangan bahawa Pope bukan sahaja harus diberikan kuasa mutlak ke atas gereja, malahan juga berkuasa penuh dalam pentadbiran, penggubalan undang-undang dan kehakiman. *Ibid.* hlm. 30.

<sup>4</sup> *Ibid.* hlm. 15

Gerakan Reformasi Gereja di Eropah dan Kesannya Terhadap Pegangan Seksualiti Barat

stamp placed upon him at ordination was indelible.”<sup>5</sup>

Implikasi daripada perkembangan di atas, telah wujud jurang perbezaan yang sangat ketara antara golongan paderi dengan orang awam. Secara praktikalnya, perbezaan ini kemudiannya seolah-olah mengujudkan diskriminasi sosial apabila orang awam tidak diberikan hak dan peluang untuk turut sama terlibat dalam urusan gereja dan hal ehwal agama Kristian. Selain itu, Kitab Bible juga dikekalkan dalam bahasa Latin yang tidak memungkinkan orang awam untuk membaca dan memahaminya atas alasan untuk memelihara kemutlakannya.<sup>6</sup> Malahan orang awam juga tidak diberikan kebebasan untuk melaksanakan upacara peribadatan terhadap Tuhan secara individu melainkan dengan kehadiran golongan paderi dan penyelenggaraan Institusi Kegerejaan. Akibatnya, hanya golongan paderi dan pihak gereja sahaja yang berhak untuk mengendalikan upacara-upacara keagamaan secara eksklusif seperti pengampunan dosa (*salvation*), *baptism*, taubat (*confession*) dan peringatan (*confirmation*).<sup>7</sup>

Lanjutan daripada amalan ini, menjelang abad ke-15 masihi, kedudukan dan pengaruh Institusi Kegerejaan menjadi semakin kukuh dan bersifat mutlak sehingga mereka memainkan peranan yang penting dalam menentukan corak politik dan pentadbiran di istana. Sungguh pun begitu, perubahan ekonomi yang melanda benua Eropah ini, kemudiannya telah membawa perubahan yang sangat besar terhadap misi pentadbiran Institusi Kegerejaan. Ini kerana kemajuan dan kepesatan ekonomi “ala kapitalisme” yang menggantikan sistem ekonomi feudal telah mengujudkan persaingan yang sengit dalam mengejar kekayaan dan kemewahan material.<sup>8</sup> Kepesatan perkembangan ekonomi di Eropah ini juga akhirnya telah mengubah haluan dan matlamat Institusi Kegerejaan daripada landasan asal.

Seiring dengan arus perubahan tersebut, Institusi Kegerejaan juga tidak mahu ketinggalan dalam menikmati dan mengumpulkan kekayaan material, apatah lagi kedudukan dan pengaruh yang dimiliki oleh mereka memungkinkan kelebihan (*advantage*) dalam perebutan kekayaan ekonomi. Malahan keghairahan Institusi Kegerejaan

<sup>5</sup> Sila rujuk E. Harris Harbison, *Christianity and History*, Princeton, New Jersey, 1964, hlm. 150

<sup>6</sup> Sila rujuk Leonard W. Cowie, *The Reformation of Sixteenth Century*, Wayland Publishers London, 1972, hlm. 15.

<sup>7</sup> Sila rujuk *Christianity and History*, hlm. 146.

<sup>8</sup> Konsep kapitalisme ketika kurun ke-16 lebih merujuk kepada “attitude toward money” berbanding dengan maksud sebenarnya yang merupakan sistem ekonomi. Malahan sistem ekonomi kapitalisme di Eropah telah mendorong kepada fahaman tentang “legitimacy of money per se”. Sila rujuk De Lamar Jensen, *Reformation Europe: Age of Reform and Revolution*, D.C. Heath and Company, Massachusetts, 1981, hlm. 17.

dalam mengumpul harta kekayaan ini bukan sahaja menjadikan golongan paderi menjadi semakin taksub terhadap hal-hal kebendaan, bahkan akhirnya menjerumuskan mereka terhadap gejala rasuah. Hal ini dinyatakan oleh Grimm sebagai:

"The increased attention devoted to administrative and fiscal matters, the development of a luxurious court that attracted all kinds of hangers on, and the natural search for preference and position in a system in which one man had so much power and wealth at his command led not only to a widespread secularization of the papacy and the Church at large but to corruption as well."<sup>9</sup>

Sejajar dengan kepesatan perkembangan ekonomi di Eropah, amalan rasuah yang melibatkan Institusi Kegerejaan juga menjadi semakin tenat dan tidak terkawal. Apalah lagi, amalan korupsi bukan sahaja mengaitkan golongan paderi bawahan, bahkan turut melibatkan jawatan-jawatan gereja tertinggi termasuk Pope. Menyedari akan keistimewaan dan kedudukan Pope yang menawarkan pengaruh dan keuntungan material yang besar, maka ramai golongan paderi yang semakin ghairah untuk menawarkan diri bagi merebut jawatan ini. Perkembangan ini kemudiannya telah menimbulkan persaingan di kalangan anggota gereja sehingga lama-kelamaan menjurus kepada amalan rasuah dan politik wang dalam proses pemilihan Pope. Misalnya dalam pemilihan jawatan Pope Alexander VI pada tahun 1492, Rodrigo Borgia of Valenza telah menggunakan politik wang dan rasuah sebagai cara untuk mencapai kemenangan. Ini dinyatakan Routh yang menyebut:

"Borgia openly corrupted many of the cardinals, some with money, others with promises of profitable places and benefices, of which he had many at that time in his power, and they, without any regard to the precepts of the Gospel, were not ashamed of making a traffic of the sacred treasures, under the name of Divine Authority, and that in the most high and eminent seat of the Christian religion."<sup>10</sup>

Lanjutan daripada petikan di atas, perubahan citarasa (*taste*) golongan paderi yang semakin berminat untuk mengumpul harta dan kemewahan (*luxurious*) telah memberikan kesan terhadap pentadbiran gereja menyebabkan perbelanjaan pentadbiran gereja semakin bertambah tinggi. Keadaan ini menjadi semakin serius apabila tentera-tentera Islam Kerajaan Othmaniah menyerang beberapa buah bandar di Eropah dan perkembangan ini menuntut kepada sumber kewangan yang tinggi bagi menampung keperluan-keperluan tersebut. Tekanan untuk memenuhi tabung gereja yang semakin

<sup>9</sup> Sila rujuk *The Reformation Era 1500-1650*, hlm. 33.

<sup>10</sup> C.R.N. Routh, *They Saw It Happen in Europe 1450-1600* Black Well, London, 1965, hlm. 57.

## Gerakan Reformasi Gereja di Eropah dan Kesannya Terhadap Pegangan Seksualiti Barat

susut akibat perbelanjaan-perbelanjaan tersebut telah mendesak Institusi Kegerejaan untuk menjual *indulgences* kepada orang awam yang ingin mendapatkan keampunan atas dosa yang telah dilakukan.

Lanjutan daripada tindakan di atas, ternyata Institusi Kegerejaan telah dapat memperolehi sumber kewangan yang lumayan dan hal ini menjadikan mereka semakin ghairah untuk memperluaskan lagi pelaksanaan penjualan *indulgences* dan menaikkan harganya, selain menggunakan pelbagai alasan bagi menghalal dan mewajarkan tindakan ini. Misalnya pada tahun 1450 dan 1451, penjualan *indulgence* melalui autoriti *Basel Council* dan didekrikan (*decrees*) oleh Pope Nicholas V telah menggunakan alasan untuk mengisi tabung bagi menampung perbelanjaan dalam Perang Salib. Selain itu, pada tahun 1516, Pope Leo X telah bertindak menaikkan harga *indulgences* semata-mata untuk menampung projek mewah pembesaran Gereja St. Peter di Rom, Itali.<sup>11</sup> Sememangnya tidak dapat disangkal lagi bahawa keghairahan Institusi Kegerejaan dalam mengejar kemewahan, telah menjasakan reputasi dan kewibawaan Institusi Kegerejaan yang sebelum ini sangat dihormati sehingga mengujudkan golongan “penentang” yang bukan sahaja mencabar kemutlakan Institusi Kegerejaan Roman-Katholik, bahkan mempelopori Reformasi Gereja pada kurun 15 di Eropah.

Terlepas daripada penyelewengan-penyelewengan Institusi Kegerejaan ini, secara bertembungan, benua Eropah pada pertengahan kurun ke-14 mengalami proses perubahan intelektual yang sangat ketara hasil bermulanya gerakan *Renaissance* yang berlaku selepas Zaman Gelap (*A Dark Age*). *Renaissance* merupakan gerakan yang dapat dianggap sebagai “kelahiran semula” benua Eropah dan menandakan detik kebangkitan semula kegemilangan falsafah, kesenian dan kesusasteraan Latin dan Greek.<sup>12</sup> Meskipun gerakan *Renaissance* ini hanya mencakupi kemajuan intelektual dan bukannya gerakan yang bersifat keagamaan, namun kebangkitannya berupaya mencetus perubahan minda daripada pemikiran yang bersifat jumud kepada pemikiran kritikal di kalangan masyarakat Eropah. Perubahan pemikiran masyarakat Eropah berikutnya berlaku gerakan *Renaissance* ini turut diakui oleh Sydney E. Ahlstrom:

“The widening of certain intellectual horizons and the narrowing of others in the “Renaissance” is perhaps the most complex influence of all, for this phenomenon includes not only the rebirth of interest in the literature, art and philosophy of antiquity, but also a renewal of interest in scholarship of all

<sup>11</sup> Sila rujuk Henry Eyster Jacobs dalam buku bertajuk *Martin Luther: The Hero of The Reformation 1483-1546*, G.P. Putnam, New York 1973, hlm. 62.

<sup>12</sup> A.M. Renwick & A.M. Harman, *The Story of The Church: Second and Enlarged Edition* Inter Varsity Press England, 1985, hlm. 104.

kinds and an advance in man's knowledge of the both nature and mankind based on scientific observation, experimentation and exploration.”<sup>13</sup>

Seterusnya, kemajuan dan perkembangan intelektual ini telah menyemarakkan keberanian dan keyakinan masyarakat Eropah untuk mempertikai dan mempersoalkan tentang banyak perkara, termasuklah autoriti Institusi Kegerejaan. Meskipun gerakan *Renaissance* ini mendorong kepada tercetusnya Reformasi Gereja, namun secara kasarnya gerakan *Renaissance* ini tidak banyak memberikan sumbangan terhadap perubahan fahaman seksualiti masyarakat Barat secara langsung, berbanding Reformasi Gereja yang secara langsung mencabar kemutlakan fahaman seksualiti konvensional. Atas alasan ini juga, makalah ini meletakkan peranan Reformasi Gereja sebagai lebih signifikan dalam mengubah fahaman seksualiti masyarakat Barat.

Selain daripada arus gerakan *Renaissance*, perubahan fahaman politik yang melanda Eropah juga merupakan antara penyumbang terhadap berlakunya Reformasi Gereja. Sesungguhnya, kemunculan fahaman Negara Bangsa (*territorial state*) pada abad ke-15 di Eropah secara tidak langsung telah menyemai semangat nasionalisme yang tinggi di kalangan penduduk negara terbabit kerana fahaman ini menuntut rakyat menumpahkan taat setia terhadap pemerintahan negara.<sup>14</sup> Perkembangan ini serba sedikit tentunya melunturkan keputuhan rakyat negara selain Itali, terhadap kuasa dan autoriti Institusi Kegerejaan yang berpusat di Rom, Itali. Bersemaraknya semangat nasionalisme terhadap bangsa dan tanah air sendiri di kalangan rakyat bukan Itali, ditambahkan lagi dengan penyelewengan agama yang berlaku, menyebabkan kekuasaan Institusi Kegerejaan dianggap sebagai pencabulan negara luar terhadap kedaulatan negara dan hak beragama oleh rakyat negara terbabit. Maka tidak hairanlah, gerakan Reformasi Gereja yang dilancarkan oleh golongan *Protestant* ini kemudiannya berlaku hampir di sebahagian besar negara-negara di benua Eropah. Ini diakui Harbison yang menyatakan:

“...The reformation was not a mere “national” revolt against a supranational papacy, but the national and local tensions of the age certainly had much to do with its spread.”<sup>15</sup>

Berdasarkan kepada urutan perbincangan di atas, dapat dikatakan bahawa penyelewengan yang dilakukan oleh Institusi Kegerejaan dan ditambah pula dengan arus perubahan pemikiran yang dialami hasil gerakan *Renaissance* dan fahaman

<sup>13</sup> Sila rujuk Sydney E. Ahlstrom, *A Religious History of The American People*, New Haven Yale University Press, 1972, hlm. 71.

<sup>14</sup> Sila rujuk *The Reformation Era*, hlm. 16.

<sup>15</sup> Sila rujuk *Christianity and History*, hlm. 143.

## Gerakan Reformasi Gereja di Eropah dan Kesannya Terhadap Pegangan Seksualiti Barat

Negara Bangsa, telah mendorong kepada tercetusnya Reformasi Gereja di Eropah pada kurun ke-16. Golongan *Protestant* telah melancarkan pembaharuan agama yang didorong oleh kesedaran untuk memperbetulkan segala amalan Institusi Kegerejaan Roman Katholik yang dianggap menyeleweng dan bertentangan dengan kesucian ajaran Kristian yang murni. Golongan *Protestant* juga mendakwa bahawa selama beberapa dekad, Institusi Kegerejaan Roman Katholik telah bertanggungjawab dalam mengelirukan (*obscurantism*) hukum-hakam dalam ajaran Kristian serta memanipulasi ajaran Kristian bagi kepentingan peribadi mereka sendiri. Justeru itu, gerakan Reformasi Gereja ini lebih menjurus kepada keinginan dan semangat yang tinggi untuk melepaskan para penganut agama Kristian daripada belenggu autoriti Institusi Kegerejaan dengan cara memperbetulkan (*reinterpretation*) beberapa doktrin dan interpretasi mereka yang mengelirukan.

Selaras dengan kesedaran ini, gerakan Reformasi Gereja di Eropah telah berlaku secara besar-besaran menjelang kurun ke-16. Sayugia dinyatakan bahawa sebelum tempoh tersebut, telah ada usaha-usaha individu tertentu yang cuba membawa pembaharuan ke atas Institusi Kegerejaan, namun begitu percubaan ini tidak begitu memberangsangkan.<sup>16</sup> Hal demikian berlaku kemungkinan disebabkan usaha-usaha pembaharuan tersebut belum begitu mantap untuk mengugat pengaruh dan kedudukan Institusi Kegerejaan yang begitu kukuh. Namun begitu, usaha-usaha awal ini tetap di anggap sebagai perintis terhadap gerakan Reformasi Gereja yang diperhebatkan lagi kemudiannya.

Antara gerakan Reformasi Gereja yang berpengaruh dan mendapat sokongan yang kuat daripada masyarakat awam ialah gerakan penentangan (*protestant*) yang diketuai oleh Martin Luther yang juga merupakan bekas paderi gereja Roman Katholik di Wittenburg, Jerman. Beliau juga merupakan profesor dalam bidang Teologi dan banyak menyumbangkan tenaga dalam dunia penyelidikan dan penyebaran agama Kristian. Berdasarkan kepada permerhatian dan pengalaman beliau yang terlibat secara langsung dalam hal ehwal Institusi Kegerejaan, Luther mendapati bahawa wujudnya kepincangan dan penyelewengan yang besar terhadap ajaran Kristian yang dilakukan oleh Institusi Kegerejaan di Rom.<sup>17</sup>

---

<sup>16</sup> Gerakan reformasi awal ini memperlihatkan beberapa orang individu yang berani mempertikaikan cengkaman kuasa Institusi Kegerejaan. Antaranya sarjana Belanda Desiderus Erasmus yang mengkritik penyelewengan Institusi Kegerejaan dalam tulisannya yang bertajuk *In Praise of Folly* (1509). Terdapat juga reformis yang berani bersuara dan kemudiannya dihukum mati. Misalnya pada tahun 1415, seorang reformis Kristian bernama John Huss telah dibakar hidup-hidup pada 1415 kerana menyeru agar agama Kristian dijadikan “agama milik semua orang”. Hal yang sama juga berlaku kepada reformis bernama Savonarola, yang juga dibakar pada 1498 kerana bertindak mempertikaikan perlunya paderi sebagai perantaraan dalam ibadat.

<sup>17</sup> Sila rujuk dalam *Martin Luther: The Hero of The Reformation 1483-1546* hlm. 33.

Rentetan daripada pandangan di atas, beliau berpendapat bahawa selama ini penganut agama Kristian telah dikelirukan dengan beberapa doktrin yang diisyiharkan oleh Institusi Kegerejaan demi kepentingan kedudukan mereka sendiri. Bagi menangkis hujah pihak Roman Katholik, Luther telah mengajukan *Doctrine of Justification Bay* yang menganjurkan penganut agama Kristian supaya menjadikan keyakinan dan kepercayaan terhadap diri sendiri sebagai asas terhadap perhubungan dengan Tuhan. Dalam kata lain, Luther menegaskan bahawa seseorang penganut agama Kristian itu sebenarnya tidak perlu bergantung kepada "orang perantaraan" dalam amalan ibadatnya sebaliknya haruslah "berhadapan" sendiri dengan Tuhan.<sup>18</sup> Interpretasi Luther ini, secara tidak langsung menolak peranan dan kepentingan golongan paderi serta segala bentuk upacara keagamaan yang dianjurkan oleh Institusi Kegerejaan seperti *baptism, confirmation, salvation* dan *confession*.

Lanjutan daripada usaha di atas, Luther semakin berani mempersoalkan tentang logiknya konsep "*treasury of merits*" yang menghalalkan penjualan *indulgence* yang diamalkan untuk sekian lamanya oleh Institusi Kegerejaan. Kritikan Luther terhadap penjualan *indulgence* yang dilakukan oleh Pope Leo X bagi menampung perbelanjaan dalam pembinaaan semula *Cathedral of St. Peter* di Rom telah mendapat sokongan yang di luar dugaan daripada orang awam.<sup>19</sup> Rata-rata penganut agama Kristian di Jerman, khususnya jemaah Gereja Wittenberg (gereja pimpinan Luther) telah memberikan sokongan yang padu dan perkembangan ini banyak menyuntik semangat kepada Luther untuk menghasilkan tulisan penting yang bertajuk *Ninety-Five Theses* yang rata-rata kandungannya menyelar habis-habisan amalan penyelewengan oleh Institusi Kegerejaan. Antara kandungannya menyebut:

"… if the Church were at this day to decide and declare that indulgence made more satisfaction than work, still it were a thousand - fold better that no Christian man should purchase or desire the indulgence, but rather perform the works and suffer loss..."<sup>20</sup>

Seterusnya pada tahun 1519, Luther telah melanjutkan lagi misi penentangannya terhadap Institusi Kegerejaan dengan menghadiri perdebatan dengan ahli-ahli teologi Katholik dalam peristiwa yang dipanggil *The Leipzig Disputation*. Dalam perdebatan yang diadakan di Leipzig ini, Luther dengan lantang menegaskan bahawa amalan kepatuhan yang membuta tuli terhadap Institusi Kegerejaan bukanlah tuntutan ajaran

<sup>18</sup> Sila rujuk *Christianity and History*, hlm. 150.

<sup>19</sup> Sila rujuk dalam *Martin Luther: The Hero of The Reformation 1483-1546* hlm. 59.

<sup>20</sup> B.J Kidd, "Documents Illustrative of the Continental reformation," (OUP, 1911) hlm. 29 yang dikutip daripada Leonard W. Cowie *The Reformation of the Sixteenth Century*, Wayland Publishers, London, 1972, hlm. 25.

## Gerakan Reformasi Gereja di Eropah dan Kesannya Terhadap Pegangan Seksualiti Barat

Kristian (*divine right*) sebaliknya hanya merupakan doktrin palsu yang diperkenalkan oleh Institusi Kegerejaan.<sup>21</sup> Setahun selepas perdebatan tersebut, Luther telah menghasilkan satu lagi tulisan penting yang bertajuk “*Appeal to the German Nobility*” yang mengemukakan doktrin Kepaderian Semua Penganut (*doctrine of the priesthood of all believers*). Melalui doktrin ini, Luther telah mengecam Pope yang didakwanya mencipta fiksi dan mitos tentang kemuliaan golongan gereja seperti *Pope, Bishop, Priest* dan *Monk* sebagai “pewaris kerohanian” (*spiritual estate*) dan orang awam (*laity*) sebagai “pewaris duniaawi” (*temporal estate*).<sup>22</sup> Sesungguhnya menurut Luther, doktrin ini hanya bertujuan untuk mengekalkan kedudukan dan pengaruh golongan gereja dan pada masa yang sama mengujudkan jurang perbezaan yang lebih luas antara keduanya. Selaras dengan pendirian tersebut, Martin Luther menegaskan:

“...all Christians are truly of spiritual estate, and there is no difference among them, save of office.”<sup>23</sup>

Sejajar dengan pembaharuan terhadap doktrin-doktrin tersebut, Martin Luther juga telah mempersoalkan doktrin yang berkaitan dengan seksualiti. Interpretasi Saint Augustine tentang konsep “*the original sin*” yang meletakkan amalan pembujangan (*celibacy*) pada tahap tertinggi dan paling mulia menjadi tujuan Luther. Rata-rata golongan *Protestant* telah mengecam hebat amalan pembujangan (*clerical celibacy*) dan ikrar membujang (*monastic vow of continence*) di kalangan para paderi.<sup>24</sup> Golongan *Protestant* menganggap bahawa amalan pembujangan yang dilakukan oleh golongan paderi sebagai bertentangan dengan hukum Tuhan. Berbekalkan pengalaman mereka sendiri sebagai ahli Institusi Kegerejaan, golongan *Protestant* telah mendedahkan tentang beberapa skandal seks yang berlaku di dalam biara yang melibatkan golongan paderi dan *nuns*. Pada pandangan mereka, hipokrasi golongan gereja ini berlaku kerana mahu mempertahankan kekaguman masyarakat awam terhadap institusi mereka, walaupun realiti yang berlaku di biara jauh lebih bobrok berbanding orang kebanyakan.

Rentetan daripada pendedahan tersebut, Luther yang bertekad mahu memperbetulkan kepincangan tersebut, menyarankan supaya golongan paderi yang

<sup>21</sup> Rujuk V.H.H. Green, *Luther and The Reformation*, Methuen & Co., London, 1964, hlm. 78.

<sup>22</sup> Sila rujuk Brian Tierney, Donald Kagan & L. Pearce Williams *Martin Luther: Reformer or Revolutionary?*, Random House, Michigan, 1967, hlm. 27.

<sup>23</sup> H. Bettenson dalam “Document of the Christian Church,” (World’s Classics, 1943), hlm. 256 yang dikutip dalam Leonard W. Cowie *The Reformation of Sixteenth Century*, Wayland Publishers, London, 1972, hlm. 26.

<sup>24</sup> Sila rujuk Geoffrey Parrinder, *Sex in The World’s Religions*, Oxford University Press, New York, 1980, hlm. 230.

akan ditahbiskan (*ordain*) sebagai paderi supaya tidak melakukan ikrar kesucian (*vow of chastity*). Ini kerana menurut Luther, adalah mustahil seseorang manusia itu termasuk golongan paderi sendiri untuk meniru sifat Tuhan dan menafikan naluri seksual semulajadi yang dikurniakan kepada mereka. Justeru itu, bagi menggelakkan berlakunya pengkhianatan terhadap ikrar dan hipokrasi terhadap Tuhan, Luther menganjurkan supaya ikrar pembujangan sewajarnya dihapuskan.<sup>25</sup> Malahan Luther secara tegas menyeru para paderi dalam Institusi Kegerejaan yang telah berzina dengan *nun* supaya segera berkahwin bagi memelihara kesucian dan kemurnian gereja dan agama Kristian. Selaras dengan pegangannya ini, Martin Luther sendiri kemudiannya berkahwin dengan Cathrine Von Bora yang sebelumnya juga merupakan seorang *nun* di Gereja Roman Katholik.

Seiring dengan perkembangan di Jerman, “demam” Reformasi Gereja ini juga turut merebak Institusi Kegerejaan di Switzerland yang dirintis oleh seorang reformis radikal iaitu Ulrich Zwingli (1484-1531).<sup>26</sup> Namun begitu, peranan Zwingli dalam gerakan reformasi ini terhenti apabila beliau meninggal dunia ketika usaha-usaha pembaharuan sedang giat dijalankan. Namun begitu, kehilangan Zwingli sebagai pemimpin gerakan Reformasi Gereja tidak mematikan gerakan para *protestant* di Switzerland, sebaliknya tugas Zwingli diambil alih oleh John Calvin (1509-1564). Calvin yang juga merupakan seorang pemimpin berbangsa Perancis, telah menerajui gerakan Refomasi Agama di Geneva dan kemudiannya berkembang pesat di beberapa buah negara khususnya di kalangan *Presbyterian* di Scotland dan *Puritan* di England.

Sepanjang gerakan Reformasi Gereja yang tercetus di Switzerland, Zwingli ketika hayatnya pernah mengadakan pertemuan dengan Martin Luther di Marburg Castle, Jerman pada tahun 1529 bagi mencapai persepakatan untuk menentang kuasa dan autoriti Institusi Kegerejaan Roman Katholik. Walau bagaimanapun, perbincangan ini gagal mencapai kata sepakat terutamanya dalam soal “kehadiran” *Christ* ketika upacara *Communion* (Perjamuan). Namun begitu, percanggahan pendapat ini tidak pula membantut gerakan reformasi di Switzerland, malahan berlanjut sehingga John Calvin kemudiannya menghasilkan tulisan yang bertajuk “*Commentary on the Psalms*” yang mengkritik amalan penyelewengan dan mempersoalkan kewibawaan Institusi Kegerejaan.<sup>27</sup>

Seterusnya, bagi memperkuuhkan kritikan beliau, Calvin telah menghasilkan satu lagi tulisan yang bertajuk “*Institutes of the Christian Religion*” dan turut mengandungi “*doctrine of predestination*”. Melalui doktrin ini, Calvin melahirkan

<sup>25</sup> Sila rujuk *Sex in the World's Religions*, hlm. 230.

<sup>26</sup> Rujuk B.A. Gerrish (ed.) *Reformers in Profile*, Fortress Press, Philadelphia, 1967, hlm. 115.

<sup>27</sup> Sila rujuk *The Reformation of the Sixteenth Century*, hlm. 40.

## Gerakan Reformasi Gereja di Eropah dan Kesannya Terhadap Pegangan Seksualiti Barat

pandangannya bahawa segala peristiwa yang berlaku dalam kehidupan manusia ini telah direncanakan oleh Tuhan. Justeru itu, Calvin mencabar konsep “*the original sin*” yang diajukan oleh gereja Roman Katholik kerana menurut pandangannya, seseorang penganut agama Kristian tidak pernah terhalang untuk mendapatkan pengampunan terus daripada Tuhan sehingga mereka terpaksa menggunakan perantaraan paderi. Menurut Calvin:

“Original sin is seen to be an hereditary depravity and corruption of our nature, diffused into all parts of the soul ... wherefore those who have defined original sin as the lack of the original righteousness with which we should have been endowed, no doubt include, by implication, the whole fact of the matter, but they have not fully expressed the positive energy of this sin. For our nature is not merely benefit of good, but is so productive of every kind of evil that it cannot be inactive.”<sup>28</sup>

Lanjutan daripada hujah di atas, Calvin kemudiannya mencadangkan bahawa rombakan yang menyeluruh perlu dilakukan terhadap Institusi Kegerejaan. Beliau telah mencadangkan alternatif bagi menggantikan Institusi Kegerejaan yang korup dan menyeleweng itu dengan memperkenalkan konsep sebuah kerajaan yang berwibawa. Dalam tulisan beliau yang bertajuk “*Institutes*”, Calvin telah memperincikan konsep kerajaan berwibawa yang menurut fahamannya merupakan kerajaan yang akan menegakkan hukum Tuhan (*word of God*) dan menjalankan upacara-upacara keagamaan yang hanya dituntut oleh agama Kristian tanpa dipengaruhi oleh kepentingan mana-mana pihak. Bagi maksud tersebut, beliau mencadangkan agar kuasa Institusi Kegerejaan dipindahkan kepada sebuah kerajaan yang bercorak aristokrasi dengan memberikan keutamaan kepada orang-orang “salih” untuk mentadbir negara. Pandangannya ini diperjelaskan dalam kenyataan berikut:

“This has already been proved by experience and confirmed also by the authority of the Lord himself, when he established an aristocracy bordering on popular government among the Israelites, keeping them under that as the best form until he exhibited an image of the Messiah in David.”<sup>29</sup>

Menyentuh semula tentang peranan Zwingli, meskipun beliau meninggal dunia lebih awal sebelum sempat menyaksikan kejayaan gerakan Reformasi Gereja di Switzerland, namun beliau sempat untuk melakukan pembaharuan termasuklah yang menyentuh topik seksualiti. Zwingli pernah melahirkan pandangannya supaya institusi

<sup>28</sup> H. Bettenson, “Documents of the Christian Church” (World’s Classics, 1943, hlm. 256) dikutip daripada *The Reformation of the Sixteenth Century* hlm. 42.

<sup>29</sup> C.R.N. Routh, “They Saw It Happen in Europe 1450-1600” (Blackwell, 1965) hlm. 57 yang dikutip dalam Leonard Cowie, *The Reformation of the Sixteen Century*, hlm. 43.

perkahwinan diwajibkan ke atas semua penganut agama Kristian kerana beliau berpendapat bahawa kandungan Kitab Bible tidak pernah menegah penganutnya daripada berkahwin. Malahan beliau juga dengan lantang mengecam golongan paderi yang melakukan ikrar membujang (*vow of continence*) dan berpendapat adalah berdosa besar seandainya seseorang paderi itu berikrar sedangkan pada hakikatnya seseorang manusia telah dikurniakan oleh Tuhan dengan naluri seksual yang bersifat semulajadi.<sup>30</sup>

Berbeza daripada Zwingli, Calvin pula lebih terbuka dalam soal ikrar membujang (*vow of continence*) ini dengan menyatakan bahawa hanya paderi yang melanggar ikrar membujang dengan berzina sahaja yang perlu dikecam, sebaliknya paderi yang dapat memelihara ikrarnya tidak dianggap berdosa. Akan tetapi, Calvin tetap menegaskan bahawa Institusi Kegerejaan tidak mempunyai hak dan kuasa untuk mengangkat amalan pembujangan sebagai lebih mulia daripada institusi perkahwinan. Ini kerana menurut Calvin, jurang perbezaan taraf itu tidak pernah terkandung dalam Kitab Bible, sebaliknya lebih merupakan interpretasi golongan Katholik.<sup>31</sup>

Sejajar dengan pandangan tersebut, Calvin juga berpendapat bahawa perhubungan seks merupakan amalan yang “terhormat” dan “suci” (*honourable and holy*) kerana Kitab Bible sendiri menyatakan perhubungan seks sebagai simbol kepada kesatuan Kristus (*union of Christ*) dan gereja. Walau bagaimanapun, Calvin menolak amalan poligami yang dianggap sebagai bertentangan dengan hukum Tuhan, yang menurutnya hanya memperakukan perkahwinan monogami sahaja.<sup>32</sup>

Seterusnya perkembangan di tempat lain memperlihatkan England juga tidak terlepas daripada pengaruh gerakan Reformasi Gereja yang sedang giat melanda Eropah pada kurun ke-16. Akan tetapi berbeza dengan gerakan di Jerman dan di Switzerland, Reformasi Gereja di England bersifat politikal dan yang menariknya, ianya menjurus secara langsung terhadap isu seksualiti. Hal ini demikian kerana gerakan Reformasi Gereja yang berlaku di England yang dipelopori oleh Raja Henry VIII (1509-1547) lebih didorong oleh keinginan baginda untuk mengisyiharkan perceraian dalam perkahwinan dengan Cathrine of Aragon bagi membolehkan baginda berkahwin baru.<sup>33</sup> Kesulitan dalam mencapai hasratnya ini timbul kerana amalan perceraian dalam perkahwinan antara pasangan Katholik ditegah oleh gereja Roman Katholik dan undang-undang yang dilaksanakan oleh Institusi Kegerejaan untuk sekian lamanya

<sup>30</sup> Sila rujuk *Sex in the World's Religions*, hlm. 230.

<sup>31</sup> *Ibid.*, hlm. 231.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Sila rujuk Philip Hughes, *Reformation in England: The King's Proceedings* Hollis & Carter, London, 1956, hlm. 164.

## Gerakan Reformasi Gereja di Eropah dan Kesannya Terhadap Pegangan Seksualiti Barat

telah dianggap sebagai mutlak oleh pengikut ajaran Kristian Katholik. Justeru itu, bagi merungkaikan kemutlakan tersebut, Raja Henry VII telah mengembeling sepenuhnya kuasa politik yang dimilikinya dengan melaksanakan beberapa pembaharuan agama terutamanya undang-undang tentang perceraian dan perkahwinan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, gerakan pembaharuan oleh Raja Henry VII ini dianggap lebih bersifat politikal kerana pada detik-detik awal gerakan Reformasi Gereja yang berlangsung di Jerman dan Switzerland, baginda tidak langsung menunjukkan sebarang minat untuk menyokong apatah lagi menyertainya. Malahan Raja Henry VIII sendiri pernah dianugerahkan gelaran “*Defender of the Faith*” oleh Pope Leo X di Rom, kerana tindakannya menyelar dan mengutuk gerakan Reformasi Gereja oleh Martin Luther.<sup>34</sup> Namun begitu, pendirian Raja Henry VIII kemudiannya tidak bertahan lama kerana apabila baginda menghadapi masalah perkahwinan dengan permaisurinya, kecenderungan untuk melakukan perubahan semakin terserlah. Keinginannya untuk mendirikan rumah tangga dengan Anne Boleyn telah mendorong baginda untuk mengarahkan Pope di Rom supaya mengisyiharkan penceraianannya dengan permaisuri baginda, Catherine of Aragon.<sup>35</sup>

Akan tetapi, masalah menjadi semakin sulit kerana Charles V iaitu anak saudara kepada Cathrine of Aragon baru sahaja menakluki Rom dan situasi ini tentu sahaja meletakkan pengaruh Pope serta Institusi Kegereaan di Rom berada di bawah genggaman dan pengaruh Cathrine of Aragon. Akibatnya, Pope di Rom tidak dapat memenuhi tuntutan Raja Henry VIII dan penceraian ke atas Cathrine of Aragon tidak dapat diisyiharkan oleh Pope.<sup>36</sup>

Walau bagaimanapun, keputusan ini tidak melemahkan semangat Raja Henry VIII sebaliknya baginda telah mengarahkan Parlimen England untuk bersidang. Persidangan yang diadakan pada tahun 1529 ini merupakan titik tolak terhadap gerakan Reformasi Gereja di England kerana hasil daripada persidangan tersebut beberapa bantahan telah diajukan oleh *House of Commons* terhadap Institusi Kegereaan di Rom bertujuan untuk melemahkan kredibiliti mereka. Antara kecaman

<sup>34</sup> Sila rujuk *The Story of The Church: Second and Enlarge Edition*, Inter-Varsity Press, Leices-ter, 1985, hlm. 126.

<sup>35</sup> Situasi menjadi sukar kerana Anne Boleyn telah mengenakan syarat kepada Raja Henry VIII bahawa beliau tidak mahu sekadar menjadi perempuan simpanan manakala Cathrine of Aragon pula bertekad mahu mempertahankan kedudukannya sebagai Ratu. Sila rujuk *The Story of The Church: Second and Enlarge Edition*, hlm. 127.

<sup>36</sup> Cathrine of Aragon membantah permohonan perceraian perkahwinan oleh suaminya, Raja Henry VIII, lalu meminta pertolongan anak saudaranya Charles V. Sila rujuk *The Reformation in England: The King's Proceedings*, Hollis & Carter, London, 1956, hlm. 177.

tersebut menyebut:

“...one priest being little learned to have ten or twelve benefices and to be resident on none, and to know many well-learned scholars in the university, which were able to preach and teach, to have neither benefice nor exhibition.”<sup>37</sup>

Sesungguhnya, kecaman ini juga bertujuan untuk memberikan tekanan terhadap Institusi Kegerejaan agar tunduk terhadap tuntutan Raja Henry VIII yang inginkan supaya Institusi Kegerejaan tidak lagi menggubal undang-undang dan peraturan mahkamah gereja tanpa kebenaran pihak istana. Pada tahun 1532, Parlimen England kemudian meluluskan akta yang membolehkan pembayaran “annates” (sejumlah peruntukan kewangan yang lazimnya diterima oleh Pope untuk membiayai perbelanjaan penyelenggaraan Institusi Kegerejaan) diberhentikan dan ini bererti Pope telah kehilangan satu daripada sumber pendapatan yang lumayan.<sup>38</sup> Keadaan ini telah memberikan tekanan ke atas Pope sehingga beliau bersetuju dengan tuntutan Raja Henry VIII untuk meluluskan pengtabhisan (*consecration*) Thomas Cranmer sebagai *Archbishop of Canterbury* yang baru tanpa menyedari bahawa Cranmer sebenarnya lebih cenderung untuk memihak kepada Raja Henry VIII.<sup>39</sup>

Lanjutan daripada itu, pada tahun 1533, Raja Henry VIII telah memanipulasi sepenuhnya Parlimen England untuk meluluskan “*Act in Restraint of Appeals*” yang berupaya untuk menghalang Cathrine of Arogan daripada meminta Pope untuk menghalang penceraian ke atasnya.<sup>40</sup> Ternyata apabila akta ini telah dikuatkuasakan, Thomas Cranmer yang telah memegang jawatan *Archbishop of Canterbury* tidak menghadapi sebarang kesukaran untuk mengisyiharkan perceraian antara Cathrine of

<sup>37</sup> A.G. Dickens, ed., *The Reformation in England*, 1967, hlm. 38 yang dikutip daripada Leonard W. Cowie *The Reformation of the Sixteenth Century*, hlm. 84.

<sup>38</sup> Pada awalnya, pembayaran “annates” kepada Pope yang mula dilakukan ketika pemerintahan Raja Henry III hanya tertakluk kepada tugas-tugas kebajikan(*benefices*) tertentu. Akan tetapi menjelang 1400, pembayarannya meliputi hampir kesemua tugas kebajikan yang dilakukan Pope. Sila rujuk S.C. Carpenter, *The Church in England 1597-1688*, John Murray, London, 1954, hlm. 221.

<sup>39</sup> Raja Henry VIII menyedari bahawa beliau boleh mengharapkan Cranmer dalam kes perceraian berdasarkan kepada pendirian Cranmer dalam soal perceraianya. Selain itu, Raja Henry VIII merasakan bahawa perlunya seseorang untuk menjawat jawatan Archbishop yang akan menumpukan sepenuh perhatian terhadap hal ehwal gereja (*pastoral matters*). Sila rujuk *Reformers in Profile*, Fortress Press, Philadelphia, 1967, hlm. 170.

<sup>40</sup> Sila rujuk A.G. Dickens, *The Reformation in England to The Accession of Elizabeth I* Edward Arnold Publishers, London, 1967, hlm. 55.

## **Gerakan Reformasi Gereja di Eropah dan Kesannya Terhadap Pegangan Seksualiti Barat**

Aragon dan Raja Henry VIII.<sup>41</sup>

Susulan daripada pengisytiharan perceraian pasangan di raja ini, pada tahun 1534 Raja Henry VIII kemudiannya melengkapkan usaha reformasinya dengan mengumumkan *Act of Supremacy* yang memperakulkan kedudukan Raja sebagai *Supreme Head* dan ini secara tidak langsung mengurangkan kedudukan dan pengaruh Institusi Kegerejaan England yang kemudiannya dipanggil *Anglicana Ecclesia* dan meletakkan kedudukannya di bawah kuasa Raja.<sup>42</sup>

Berdasarkan kepada urutan peristiwa dan perbincangan di atas, nyata sekali bahawa gerakan Reformasi Gereja di England antara lain telah digerakkan oleh keinginan dan keghairahan untuk mendombrakkan kemutlakan Gereja Roman Katholik yang mengharamkan amalan perceraian dalam institusi perkahwinan. Malahan menjelang pemerintahan Raja Edward VI pada tahun 1547 dan Ratu Elizabeth pada tahun 1559, perkahwinan di kalangan paderi juga telah dihalalkan.<sup>43</sup> Sesungguhnya, gerakan Reformasi Gereja di England yang dirintis oleh King Henry VIII dapat mendombrak beberapa fahaman dan pegangan berkaitan dengan seksualiti yang pada suatu ketika dahulu dianggap oleh Gereja Roman Katholik sebagai undang-undang mutlak.

## **KESAN GERAKAN REFORMASI GEREJA TERHADAP PERKEMBANGAN KRISTIAN DAN UMAT ISLAM**

Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa gerakan Reformasi Gereja ini memberikan kesan terhadap perkembangan agama Kristian. Antara yang paling ketara ialah tentang kewujudan dua mazhab terbesar dalam ajaran Kristian iaitu mazhab Katholik, yang masih berpegang kepada autoriti Institusi Kegerejaan Roman Katholik dan mazhab Protestant, yang antara lain menolak kemutlakan kuasa intitusi tersebut. Seterusnya, tidak dapat dinafikan juga bahawa gerakan reformasi ini sedikit sebanyak turut berupaya mengubah beberapa aspek tentang fahaman dan amalan seksualiti masyarakat Eropah, yang berpegang kepada ajaran Kristian. Namun begitu, harus dinyatakan bahawa gerakan Reformasi Gereja yang berlaku ini bukanlah bersifat anti-agama, sebaliknya bertujuan untuk melonggarkan pengaruh dan autoriti Institusi

<sup>41</sup> Thomas Cranmer sendiri telah berkahwin ketika belum selesai ditahbiskan sebagai paderi. Akan tetapi isterinya kemudian meninggal dunia dan selepas ditahbiskan sebagai paderi, Cranmer telah berkahwin sekali lagi secara senyap dengan Margaret Osiander. Keterangan ini dapat menjelaskan tentang pendirian Cranmer terhadap perceraian dalam ajaran Kristian dan bagaimana beliau boleh bersekongkol dengan Raja Henry VIII dalam usaha untuk mengisytiharkan perceraian terhadap Cathrine of Aragon. Sila rujuk *Sex in World's Religions*, hlm. 232.

<sup>42</sup> Sila rujuk *The Reformation in England: To The Accesssion of Elizabeth I* hlm. 64.

<sup>43</sup> Sila rujuk *Sex in the World's Religions*, hlm. 232.

Kegerejaan yang pada pandangan golongan Protestant terlalu dominan.

Selain daripada kesan terhadap fahaman seksualiti dan autoriti Institusi Kegerejaan Roman Katholik, tidak keterlaluan juga dikatakan bahawa gerakan Reformasi Gereja ini telah membuka lembaran baru dalam arus pemikiran masyarakat Eropah. Dalam kata lain, gerakan reformasi ini telah mencetuskan corak pemikiran yang skeptik dan kritis di kalangan bangsa Eropah dalam mengkaji setiap fahaman dan amalan kehidupan mereka dan tidak lagi bersikap “membuta tuli” dalam menumpahkan ketaatan dan kesetiaan mereka. Ternyata corak pemikiran yang bersifat skeptik dan kritis ini berkemungkinan besar didorong oleh perubahan sistem ekonomi kapitalis yang rata-rata banyak memberikan kebebasan dan mendedahkan masyarakat Eropah terhadap persaingan hidup yang sengit. Ini berbeza dengan corak kehidupan yang diamalkan oleh bangsa Eropah ketika mengamalkan sistem ekonomi feudal, yang mempertahankan dan memperakukan kemutlakan golongan dan institusi tertentu. Sesungguhnya, elemen kebebasan dan keterbukaan yang terkandung dalam sistem kapitalis ini banyak dimanfaatkan oleh masyarakat Eropah untuk menilai kembali segala fahaman dan amalan yang menjadi pegangan hidup mereka, khususnya institusi keagamaan. Justeru, tidak hairanlah jika abad ke-15 Masihi ini dianggap oleh masyarakat Eropah sebagai *“an age of enlightenment”* kerana pada zaman ini berlaku banyak peristiwa yang dianggap sebagai titik permulaan kebangkitan benua Eropah.

Sejajar dengan perkembangan di atas, dapat juga dianggap bahawa berlakunya gerakan Reformasi Gereja yang berupaya merungkaikan kemutlakan dan kuasa Institusi Kegerejaan Roman Katholik ini telah menyuntik semangat dan keyakinan penganut agama Kristian untuk berani mempersoal dan mempertikaikan segala fahaman dan amalan yang sebelum ini dianggap oleh mereka sebagai mutlak. Seterusnya, semangat dan keyakinan seumpama ini terus subur dan diperkembangkan oleh penganut Kristian sehingga timbulnya desakan dan tekanan supaya interpretasi dan doktrin pihak gereja, tidak kira sama ada Institusi Kegerejaan Roman Katholik maupun gereja Protestant, dibataskan kepada hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan sahaja. Malahan tekanan juga timbul bukan sahaja di kalangan ahli birokrat, bahkan segelintir ahli teologi Kristian sendiri yang merasakan bahawa perlunya dilakukan proses sekularisasi, yang secara amnya bertujuan untuk melepaskan segala urusan kehidupan dunia masyarakat Eropah daripada doktrin dan interpretasi gereja yang berbau kerohanian dan keakhiran.<sup>44</sup>

<sup>44</sup> Rujuk perbincangan Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam bukunya *Islam and Secularism* (1978), terutamanya dalam bab “The Contemporary Western Christian Background” yang membincangkan tentang pergolakan yang dialami oleh Kristian dan Barat khususnya berhubung soal kewujudan Tuhan dan kerelevanannya hidup beragama. Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur, 1978, hlm. 1.

## Gerakan Reformasi Gereja di Eropah dan Kesannya Terhadap Pegangan Seksualiti Barat

Sayugia juga dinyatakan bahawa, meskipun pada awalnya proses sekularisasi ini hanya melibatkan aspek politik iaitu pengasingan institusi-institusi pentadbiran kerajaan daripada interpretasi dan pandangan gereja, namun begitu proses ini kemudiannya turut memberikan kesan terhadap amalan kehidupan rata-rata masyarakat Eropah. Hal ini demikian kerana apabila proses sekularisasi ini dilaksanakan sebagai dasar pentadbiran dan pelaksanaannya diperkuuhkan pula melalui penguatkuasaan undang-undang, maka secara beransur-ansur amalannya menjadi semakin mantap sehingga akhirnya membentuk budaya baru, yang turut mempengaruhi aspek-aspek lain dalam kehidupan masyarakat di Barat. Dalam kata lain, proses sekularisasi yang rata-rata lahir daripada fahaman sekularisme yang pada awalnya hanya bertujuan mengekang peranan gereja terhadap institusi politik, lama kelamaan menjadi kelaziman dan membentuk masyarakat Barat yang tidak lagi menganggap dan menjadikan pandangan dan doktrin gereja sebagai faktor penting dalam menentukan kehidupan dan urusan sehari-hari mereka, sebaliknya hanya berfungsi dan berkuatkuasa di dalam pentadbiran dan penyelenggaraan gereja.<sup>45</sup> Pemahaman ini turut diperakukan oleh Bernard Eugene Meland yang merumuskan sekularisasi sebagai:

“... is the movement away from traditionally accepted norms and sensibilities in the life interests and habits of a people - a departure from an historical order of life that presupposes religious sanctions. More often the word “secular” is simply contrasted with “religious” or “sacred”.<sup>46</sup>

Meskipun perbincangan proses sekularisasi di Eropah tidak dilakukan secara mendalam, namun secara umumnya dapat disimpulkan, proses ini bertujuan untuk memecah dan membahagikan kehidupan masyarakat Eropah kepada dua “wilayah” yang mesti ditadbir secara berasingan iaitu kehidupan dunia dan kehidupan beragama.

Lanjutan daripada perkembangan yang pesat berlaku di Eropah, masyarakat di luar Eropah juga tidak ketinggalan menerima dan merasakan kesannya. Sesungguhnya, penerimaan ini berlaku serentak dengan gerakan Reformasi Gereja dan zaman kebangkitan Eropah pada kira-kira abad ke-15 Masihi yang menyaksikan kebanyakan

<sup>45</sup> Harvey Cox dalam bukunya *The Secular City* rata-rata bukan sahaja tidak menganggap bahawa proses sekularisasi dan fahaman sekularisme sebagai berlainan, malahan dalam beberapa aspek fahaman sekularisme dianggap sebagai “ancaman” kepada proses sekularisasi. Akan tetapi hujah Cox ini disangkal oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas yang menganggap bahawa proses sekularisasi di Eropah yang bukan sahaja dilakukan secara menyeluruh, bahkan dijadikan sebagai “ideologi” negara secara tidak langsung memperkuuhkan kedudukan sekularisme sebagai satu fahaman yang mencetuskan proses sekularisasi. Sila rujuk Harvey Cox, *The Secular City*, Macmillan, New York, 1965, hlm. 21-22 & Syed Muhammad Naguib al-Attas, *Islam and Secularism*, 1978, hlm. 44.

<sup>46</sup> Bernard Eugene Meland, *The Secularization of Modern Cultures*, Oxford University Press, New York, 1966, hlm. 3.

kuasa-kuasa Eropah seperti Portugis, Sepanyol, Belanda, Perancis dan British melancarkan “*an age of discovery*” yang mendorong kepada berlakunya gerakan penjajahan ke benua-benua selain Eropah. Meskipun proses penjajahan ini dilakukan oleh kuasa-kuasa Eropah bertolak daripada keinginan mereka untuk mendapatkan bahan-bahan mentah bagi mempergiatkan aktiviti-aktiviti perindustrian yang semakin rancak di Eropah, tidak dapat dinafikan bahawa fahaman sekularisme dan proses sekularisasi ini turut berlaku di tanah-tanah jajahan. Antara yang tidak ketinggalan menerima kesan daripada proses penjajahan ini ialah masyarakat Islam di Gugusan Kepulauan Melayu yang pada ketika telah menerima proses Islamisasi setelah berada di bawah pengaruh kebudayaan Hindu-Buddha serta kepercayaan animisme.<sup>47</sup>

Lanjutan daripada itu, proses Islamisasi yang berlaku khususnya di Tanah Melayu rata-rata dianggap oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas bukan sahaja sebagai zaman yang paling signifikan dalam sejarah tamadun Melayu, bahkan berupaya mengubah paradigma orang Melayu sehingga ke tahap yang tinggi.<sup>48</sup> Menurut al-Attas hujah dapat diperkuuhkan dengan penelitian yang dilakukan terhadap hasil-hasil tulisan oleh para pengarang yang lahir ketika zaman kemuncak Islam di Kepulauan Melayu seperti Hamzah Fansuri dan Nuruddin al-Raniri yang memperlihatkan perubahan paradigma dan daya pemikiran yang tinggi. Hakikat ini nyata terserlah apabila tulisan mereka itu membicarakan tentang aspek-aspek metafizik, tasawuf, falsafah dan hakikat kewujudan Tuhan dan manusia, yang tulisan seumpama ini menuntut kepada daya intelek yang tinggi. Kesignifikan ini juga semakin ketara apabila perbandingan dilakukan terhadap kebanyakan hasil-hasil tulisan dan karya sastera ketika zaman sebelum Islam, yang hanya memaparkan cerita-cerita dongeng, magik dan kehidupan di kayangan. Malahan proses Islamisasi di Kepulauan Melayu ini juga telah mendorong kepada pembentukan sistem tulisan dan ejaan Jawi yang sistematik berteraskan kepada huruf-huruf dalam bahasa Arab dan penambahan perbendaharaan kata bahasa Melayu yang giat dilakukan untuk mengungkap idea dan pemikiran yang tinggi.<sup>49</sup> Dalam kata lain, peranan Islam dalam mempertinggikan pemikiran dan

<sup>47</sup> Perihal kedatangan Islam di Alam Melayu dapat diikuti perbincangannya dalam S.Q. Fatimi, *Islam Comes To Malaysia*, Malaysian Sociological Research Institute, Singapura, 1963. Lihat juga Mohd. Taib Osman, “Islamisation of Malays: A Transformation of Culture” dalam Khoo Kay Kim, ed. *Tamadun Islam di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980 & Wan Hussien Azmi, “Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-20M)” juga dalam Khoo Kay Kim, ed. *Tamadun Islam di Malaysia*.

<sup>48</sup> Sila rujuk Syaranan Pengukuhan Pelantikan sebagai Profesor Bahasa dan Kesusasteraan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam Syed Muhammad Naquib, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Penerbit Mizan, Bandung, 1990.

<sup>49</sup> Rujuk Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, hlm. 63.

Gerakan Reformasi Gereja di Eropah dan Kesannya Terhadap Pegangan Seksualiti Barat  
kebudayaan masyarakat Melayu tidak wajar dikesampingkan.

Namun begitu, proses Islamisasi yang giat berlangsung di Gugusan Kepulauan Melayu terganggu dan terhenti akibat daripada proses penjajahan yang dilakukan oleh kuasa-kuasa Eropah. Berbekalkan dengan fahaman sekularisme yang menjadi pegangan mereka, kuasa-kuasa penjajah ini kemudian melaksanakan dasar-dasar pemerintahan yang banyak bertolak daripada keinginan mereka untuk menghakim peranan dan pengaruh Islam di gugusan kepulauan ini dan proses ini dinamakan oleh al-Attas sebagai “*deislamization of the Malay Archipelago*”. Merujuk kepada penjajahan yang dilakukan di Tanah Melayu, penjajah British dalam beberapa usaha mereka untuk menguasai kepentingan ekonomi telah bertindak melanjutkan fahaman sekularisme dan proses sekularisasi dalam pentadbiran Tanah Melayu. Sesungguhnya, peristiwa Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 bukan sahaja dapat dianggap sebagai titik permulaan campurtangan British dalam hal ehwal politik di Tanah Melayu, bahkan menjadi petanda bermulanya proses sekularisasi di Tanah Melayu.<sup>50</sup> Hakikat ini dapat diperlihatkan melalui Perjanjian Pangkor yang menghasilkan pelaksanaan Sistem Residen, yang memberikan mandat kepada pegawai residen British untuk memberikan nasihat dalam semua hal yang membabitkan aspek pentadbiran kecuali agama dan adat resam. Sesungguhnya, pengasingan antara aspek-aspek pemerintah dengan hal ehwal agama dan adat resam ini adalah teras fahaman sekularisme, yang menekankan tentang pengasingan urusan agama daripada urusan pentadbiran. Seterusnya, dengan pemilikan kuasa politik yang semakin kukuh, proses “*deislamization*” di Tanah Melayu ini dilanjutkan oleh penjajah British melalui pengenalan sistem pendidikan bersifat sekular, yang bukan sahaja menukar sistem tulisan Jawi kepada tulisan Roman, bahkan memisahkan sukatuan pelajaran sekolah Melayu daripada pengajaran ilmu Islam yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Akibat daripada proses sekularisasi yang berlaku di Tanah Melayu yang dilakukan oleh penjajah British ini, al-Attas berpendapat bahawa umat Islam di negara ini akhirnya menjadi keliru terhadap ajaran Islam sehingga mengujudkan dilema yang tidak memungkinkan mereka mencapai kemajuan dunia dan akhirat.

## KESIMPULAN

Secara konklusifnya, gerakan Reformasi Gereja yang berlaku di Eropah pada abad ke-15 Masihi bukan sahaja telah mengubah fahaman seksualiti masyarakat Barat, bahkan telah menyemai semangat untuk mempertikaikan kemutlakan institusi keagamaan mereka. Malahan kepesatan gerakan Reformasi Gereja ini juga telah mendorong berlakunya proses sekularisasi dalam ajaran Kristian, yang dilakukan untuk

---

<sup>50</sup> Sila rujuk Che Yusoff bin Che Mamat dalam *Sekularisme: Perkembangannya Dalam Masyarakat Muslim*, Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1988, hlm. 64.

memisahkan kehidupan masyarakat Eropah daripada segala doktrin dan interpretasi gereja yang bersifat kerohanian. Seiring dengan pelaksanaan proses sekularisasi yang dilaksanakan secara menyeluruh di Eropah, fahaman sekularisme ini turut "dieksport" kepada bangsa bukan Eropah, khususnya masyarakat Islam melalui proses penjajahan. Ternyata dalam kes masyarakat Islam di Gugusan Kepulauan Melayu, proses penjajahan yang dilakukan oleh kuasa-kuasa Barat ini bukan sahaja telah memungkinkan berlakunya proses sekularisasi, bahkan berupaya pula mengugat semangat Islam yang sedia menjadi pegangan sebahagian besar masyarakat. Lebih lanjut lagi, proses sekularisasi di Tanah Melayu, yang antaranya dilakukan oleh penjajah British melalui sistem pendidikan, akhirnya telah menyebabkan umat Islam terjerumus dengan kemelut yang mengelirukan fahaman mereka terhadap ajaran agama yang mereka anuti sendiri.